

05 OCT 1998

Najib-Perhimpunan

PERHIMPUNAN PERDANA AKAN LIBATKAN SEMUA PARTI KOMPONEN BN

KUALA LUMPUR, 5 Okt (Bernama) -- Perhimpunan Perdana untuk menyatakan sokongan kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang dijadualkan 10 Okt ini akan melibatkan semua parti-parti komponen Barisan Nasional (BN) dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) serta orang ramai dan tidak lagi terhad kepada pemuda BN.

Pengerusi Jawatankuasa Penyelaras Perhimpunan itu, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata hari ini lebih 150,000 dijangka akan menghadiri perhimpunan itu di Stadium Nasional Bukit Jalil di sini.

Bercakap kepada pemberita selepas mempengerusikan Mesyuarat Khas Setiausaha Agung dan Setiausaha Pemuda BN di sini, Najib yang juga Naib Presiden Umno berkata Perdana Menteri telah memutuskan supaya perhimpunan ini diadakan untuk menggambarkan sokongan dan dokongan yang menyeluruh kepada kerajaan BN di kalangan semua parti komponen BN.

Najib berkata Dr Mahathir yang juga pengerusi BN telah meminta supaya perhimpunan ini diselaraskan oleh semua pihak dalam BN.

Beliau juga berkata pihak penganjur perhimpunan itu akan memperolehi permit polis.

"Kita akan mendapatkan permit polis terlebih dahulu. Jadi ini bukan satu perhimpunan haram," kata Najib.

Katanya, perhimpunan selama dua jam itu akan bermula pada pukul 4.50 petang dimana para hadirin akan berpeluang mendengar ucapan Dr Mahathir.

Beliau berkata daripada sasaran 150,000 orang pada perhimpunan itu, Umno akan diwakili oleh 50,000 anggota, MCA pula 20,000 hingga 30,000 anggota, MIC 10,000 anggota dan selebihnya daripada parti-parti komponen BN yang lain.

"Sambutan diperingkat bahagian dan cawangan amat menggalakan," kata beliau.

Beliau juga meminta para anggota UMNO dan parti-parti komponen BN lain yang berada di luar Kuala Lumpur supaya menggunakan pengangkutan mereka sendiri walaupun pihak Umno Perhubungan Negeri akan menyediakan bas.

Mengenai penglibatan orang ramai, Najib berkata pihak penganjur tidak akan menghalang mereka yang menyokong BN daripada menyertai perhimpunan itu "malah kita menggalakan mereka."

Najib berkata perhimpunan itu akan menggambarkan bahawa sokongan parti-parti komponen BN dan rakyat kepada kepimpinan Dr Mahathir tidak terhakis seperti yang didakwa oleh media asing.

"Kita hendak tunjuk kepada dunia bahawa sokongan kepada Perdana Menteri masih kuat, padu dan menyeluruh," kata beliau.

Ketika ditanya sama ada penyokong bekas Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim mungkin akan menimbulkan kekacauan pada perhimpunan itu, Najib berharap perkara itu tidak akan berlaku.

Bagaimanapun, pihak penganjur akan memastikan kawalan keselamatan dengan meminta kerjasama polis, katanya.

Ketika ditanya jika keputusan polis untuk memberikan permit kepada penganjur perhimpunan itu akan dilihat sebagai satu "double-standard" memandangkan bahawa permohonan penyokong Anwar untuk mendapatkan permit tidak diluluskan, Najib berkata perhimpunan BN itu dibuat dalam keadaan yang teratur dan bukan untuk menghasut dan membakar semangat orang ramai untuk membenci kerajaan.

Ketika ditanya sama ada keputusan Mahkamah Tinggi di sini hari ini supaya semua komen awam mengenai tuduhan terhadap Anwar diberhentikan akan

menjejaskan perhimpunan itu, Najib berkata perkara itu akan dibincangkan pada mesyuarat Majlis Tertinggi Umno esok.

"Jika mahkamah telah membuat keputusan, maka kita kena ambil kira dan melihat apa yang boleh kita buat (untuk meneruskan perhimpunan itu) berdasarkan kepada takrif keputusan mahkamah itu," kata beliau.

Sebelum itu beliau mempengerusikan mesyuarat dengan semua setiausaha Umno peringkat bahagian dan wakil-wakil NGO mengenai perhimpunan itu di ibu pejabat BN di sini.

--BERNAMA

ES WAT